

SARAWAK



ANGGOTA bomba melakukan pemeriksaan ke atas benteng air yang pecah akibat fenomena air pasang besar di Kampung Bako, Kuching, Sarawak semalam.

PERAK



DUA kanak-kanak melihat ombak bergelora ekoran fenomena air pasang besar di pesisir pantai di Ban Pecah, Parit Abu Samah, Kuala Kurau di Parit Buntar, Perak semalam.

SELANGOR



SEORANG pekerja Persatuan Pengail Bagan Hailam hanya mampu melihat kenaikan paras air laut kira-kira 5.5 meter akibat fenomena air pasang besar di Klang, Selangor semalam.

Peruntukan dimohon bagi keperluan jangka panjang di Semenanjung, Sarawak

Dana RM416 juta atasi air pasang

Oleh ZAID MOHD. NOOR, ATIKAH DALI, MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM, MOHD. YUNUS YAKKUB, AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI, TAUFIK SALIMIN dan MOHD HUSSAIRY SIDEK

KUALA LUMPUR – Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan memohon peruntukan sebanyak RM416 juta dalam belanjawan tahun depan bagi mengatasi masalah fenomena air pasang besar.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, permohonan tersebut adalah bersesuaian dengan keperluan mendesak dan keadaan kritikal bagi membina benteng laut dan kawasan ladangan (tadahan air) di negara ini.

“Keperluan dana tersebut adalah bagi sumber kewangan jangka panjang untuk seluruh negeri di Semenanjung dan Sarawak untuk berhadapan fenomena alam berkenaan pada masa akan datang,” katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen di sini semalam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana



WAN JUNAIDI

Negara, Datuk Zaitun Ab. Samad memberitahu, fenomena air pasang besar dijangka sekali lagi melanda pantai barat Semenanjung pada 14 hingga 17 November depan.

“Lazimnya kejadian air pasang berlaku pada awal pagi, jadi penduduk tidak sempat untuk menyelamatkan diri.

“Oleh itu, masyarakat perlu dimaklumkan supaya mereka dapat bertindak segera sekiranya amaran bencana dikeluarkan,” katanya.

Di **Kedah**, jumlah mangsa akibat fenomena air pasang besar di enam buah kampung di

Kota Kuala Muda di sini masih kekal seramai 94 orang daripada 27 keluarga.

Pegawai Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Muda, Lt. Muda Pertahanan Awam, Azahar Ahmad berkata, kesemua mangsa termasuk 20 warga emas dan seorang orang kelainan upaya (OKU) wanita masih ditempatkan di empat pusat pemindahan sehingga pukul 4 petang semalam.

PULAU PINANG



SEORANG remaja perempuan duduk di tembok konkrit tanpa menghiraukan percikan air ombak di pesisiran pantai Padang Kota Lama, George Town, Pulau Pinang semalam.

Di **Selangor**, Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendent Nor Azmi Isa berkata, empat pusat pemindahan mangsa banjir di daerah itu ditutup mulai pukul 12 tengah hari semalam dan semua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing. “Namun, pusat berkenaan akan diletakkan di bawah status aktif manakala Bilik Gerakan Bencana akan terus dibuka sehingga Jumaat ini,” ujarnya.

Di **Sarawak**, bomba negeri sudah bersiap sedia dengan memberikan tumpuan kepada 643 kawasan berisiko dilanda fenomena air pasang besar ataupun banjir.

Penolong Pengarah Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Farhan Sufyan Borhan berkata, ia membabitkan 124 kawasan di Mukah, 88 kawasan di Limbang dan 62 di Kuching terutamanya penempatan di pesisiran pantai.

RINGKAS

Bekalan hasil laut tidak terjejas

KANGAR – Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Perlis menjangkakan bekalan hasil laut di negeri ini tidak terjejas akibat fenomena air pasang besar.

Pengarahnya, Khairul Amin Talib berkata, harga hasil laut di pasar utama seluruh Perlis termasuk pasar raya besar juga stabil dan tidak berlaku kenaikan harga yang ketara.

“Kenaikan harga hasil laut hanya sekitar RM1 hingga RM3 sahaja terutama melibatkan ikan, sotong dan udang bersaiz besar.

“Kita yakin harga kembali normal sebaik sahaja fenomena air pasang besar berakhir,” katanya semalam.

Harga hasil laut naik 20 peratus